

DASAR DAN KAEDAH PEMBERIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

1. Asas Penilaian

- i. Penilaian pegawai yang layak adalah berpandukan kepada markah yang diperolehi dalam penilaian prestasi tahunan dengan menggunakan borang laporan penilaian prestasi yang ditetapkan
- ii. Anggota yang mendapat markah 85% dan lebih layak dipertimbang.
 - Sumbangan kepada organisasi
 - Sumbagan kepada perkhidmatan awam
 - Sumbangan kepada komuniti
 - Sumbangan kepada daerah, negeri dan negara

2. Bilangan Penerima

- i. Bilangan penerima APC tidak boleh melebihi 8 % daripada jumlah pegawai yang berkhidmat pada 31 Disember tahun penilaian
- ii. Had maksimum tidak semestinya dipenuhi jika jumlah pegawai yang layak tidak mencukupi. Sekiranya pada tahun berkenaan tidak ada yang layak menerima APC, maka agensi tidak perlu melaksanakan APC bagi tahun berkenaan.

3. Insentif dan Hadiah

- i. Sijil Perkhidmatan Cemerlang
- ii. Hadiah prestasi sebanyak RM1,000.00
- iii. Peluang dan keutamaan memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja
- iv. Peluang dan keutamaan bagi pencalonan unuk menerima pingat, bintang dan darjah kebesaran Persekutuan dan negeri
- v. Nama dan gambar penerima dipamerkan di pejabat di lokasi yang strategik atau yang biasa dikunjungi orang ramai.

KRITERIA PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

- I. Semua anggota LGM yang mendapat markah prestasi 85% dan ke atas layak dipertimbangkan **KECUALI**:

- i. Pekerja IRPA
- ii. Pekerja kontrak
- iii. Pegawai Kumpulan JUSA
- iv. Calon yang disyorkan untuk naik pangkat
- v. Pegawai yang baru dinaikkan pangkat
- vi. Pegawai yang dinaikkan pangkat pada tahun yang dinilai
- vii. Pegawai yang berkhidmat kurang setahun pada tahun yang dinilai
- viii. Pegawai yang telah menerima APC pada 3-5 tahun sebelumnya
- ix. Pegawai yang belum disahkan dalam jawatan
- x. Pegawai yang telah menghadapi kes tatatertib 1 tahun sebelum
- xi. Pegawai yang sedang menghadapi kes tatatertib
- xii. Pegawai yang menerima anjakan gaji pada tahun yang dinilai

(*Nota: Pegawai merujuk kepada semua anggota LGM).

- II. Bilangan penerima ialah 8% dari bilangan anggota LGM pada 31 Disember tahun yang dinilai
- III. 8% penerima APC mengambilkira kumpulan P&P dan sokongan, kuota agihan Bahagian/Unit/Wilayah/Stesen dan gred gaji/jawatan.
- IV. Lain-lain syarat dan keputusan muktamad tertakluk kepada keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia LGM yang terdiri dari:

Ketua Pengarah	-	Pengerusi
Timbalan Ketua Pengarah (R&I)	-	Ahli
Timbalan Ketua Pengarah (D&O)	-	Ahli
Ketua UPSM	-	Urusetia